



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/06/58 (HQ)

### **PENUTUPAN PUSAT KUTIPAN TNB MENGLEMBU DAN GEMENCHEH**

Premis bayaran Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang juga dikenali sebagai Pusat Kutipan di dua lokasi iaitu di Menglembu, Ipoh, Perak dan di Gemencheh, Tampin, Negeri Sembilan masing-masing akan menamatkan operasi mulai 1 dan 4 Julai 2016.

“Penutupan dua premis ini adalah sebahagian usaha penstrukturan semula premis khidmat pelanggan TNB di seluruh negara bagi mempertingkatkan operasi bisnes syarikat dengan meningkatkan perkhidmatan pembayaran secara online,” kata Pengurus Besar Kanan (Perkhidmatan Pengguna), Bahagian Pembahagian TNB, Ir. Kamaliah Abdul Kadir.

Justeru para pelanggan yang sebelum ini berurusan di kedua-dua premis berkenaan, disarankan menggunakan saluran pembayaran online menerusi bank-bank utama tempatan.

Bagaimanapun, bagi pelanggan di Menglembu yang lebih selesa berurusan di kaunter boleh melakukannya di Bank Simpanan Nasional, Maybank dan Pejabat Pos, manakala bagi pelanggan di Gemencheh boleh mengunjungi Bank Simpanan Nasional dan Pejabat Pos.

Selain itu pelanggan-pelanggan TNB boleh juga menggunakan perkhidmatan Ejen Bank Berdaftar, Ejen *e-Pay* dan stesen Petronas berhampiran.

Untuk maklumat lanjut berkaitan saluran pembayaran bil elektrik lain seperti *jomPAY*, *autopay*, debit terus, ATM, mesin deposit tunai, kiosk, perbankan telefon atau pos cek, pengguna dinasihatkan untuk melayari laman web rasmi TNB di [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my).

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 23 Jun 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Teng Yoon Soon (019-2931228) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /  
Maizatul Nadiah Saadon (017-3816602) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*